A

## Pendakwa Raya lwn Guo Renchun

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05-387–08 TAHUN 2017
HANIPAH FARIKULLAH, HADHARIAH SYED ISMAIL DAN NORDIN HASSAN HHMR
10 MEI 2021

C

*Prosedur Jenayah — Rayuan — Pengedaran — Hakim bicara meminda pertuduhan pengedaran dadah berbahaya kepada kesalahan milikan — Sama ada perayu telah membuktikan elemen pengedaran — Sama ada responden mempunyai pengetahuan berhubung dadah yang ditemui — Sama ada pembelaan telah memberikan 'Alcontara notice' yang mencukupi — Sama ada pendakwaan telah membuktikan kes prima facie bagi pertuduhan asal iaitu pengedaran dadah berbahaya — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39(B)*

D

Ini adalah rayuan pihak pendakwaan ('perayu') yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi ('MT') yang telah meminda pertuduhan pengedaran dadah kepada pertuduhan pemilikan dadah berbahaya dan telah mensabitkan tertuduh ('responden') dengan hukuman penjara selama 16 tahun daripada tarikh responden ditangkap berdasarkan pengakuan salah responden kepada pertuduhan pindaan oleh MT. Pada 12 Januari 2014, responden tiba di LCCT Lapangan Terbang Antarbangsa Kuala Lumpur dari Chengdu, China dengan penerbangan Air Asia D7321. Pegawai kastam yang bertugas di mesin pengimbas 4 iaitu Mohd Zulhairi bin Zubir (SP11) memerhatikan responden dalam keadaan mencurigakan lalu meminta responden untuk mengimbas beg bagasi beroda yang dibawa oleh responden. Hasil imbasan yang dibuat terhadap beg bagasi memaparkan suatu imej yang mencurigakan dan kemudian didapati di dalam beg berkenaan terdapat antara lain, bungkusan teh dan bungkusan makanan. Responden dan bagasinya kemudian dibawa ke pejabat kastam CPP2 untuk pemeriksaan rapi. Berdasarkan pemeriksaan rapi yang dilaksanakan terhadap kandungan beg bagasi responden, 20 bungkusan bahan kristal berwarna putih telah ditemui dalam beg bagasi tersebut. Kesemua bahan kristal berwarna putih yang ditemui dalam beg bagasi responden tersebut seterusnya dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisa dan disahkan oleh ahli kimia bahawa ianya mengandungi dadah berbahaya methamphetamine seberat 1,841.7g. Semasa kes pendakwaan, perayu membawa keterangan bahawa beg bagasi mempunyai tag nama responden dan pakaian di dalam beg bagasi tersebut juga bersesuaian atau berpadanan dengan responden. Walaubagaimanapun, hakim bicara di akhir kes pendakwaan telah memutuskan bahawa perayu telah gagal membuktikan suatu kes prima facie bagi pertuduhan mengedar dadah seperti

E

F

G

H

I

pertuduhan yang dikemukakan terhadap responden dan sebaliknya memutuskan bahawa perayu hanya membuktikan elemen milikan terhadap dadah berbahaya berkenaan. Sehubungan itu, responden dipanggil untuk membela diri bagi kesalahan memiliki dadah berbahaya iaitu kesalahan di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952') yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) ADB 1952. Isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini adalah: (a) sama ada perayu telah berjaya membuktikan elemen milikan terhadap dadah berbahaya; (b) sama ada perayu telah berjaya membuktikan elemen pengedaran; dan (c) sama ada pihak pembelaan telah memberi '*Alcontara* notice' yang mencukupi untuk siasatan lanjut dibuat.

**Diputuskan**, membenarkan rayuan:

(1) Responden dalam kes ini mempunyai kawalan fizikal terhadap dadah dalam beg bagasi yang dibawa oleh responden dan tanpa penjelasan yang munasabah, inferensnya adalah responden mempunyai pengetahuan bahawa beg yang dibawanya mengandungi dadah-dadah berkenaan. Pada beg bagasi tersebut juga terdapat tag nama responden dan pakaian yang ditemui dalam beg bagasi berkenaan bersesuaian dengan responden apabila dibuat suaipadan. Responden juga dilihat dalam keadaan mencurigakan dengan berjalan mundar-mandir di laluan pemeriksaan kastam. Seterusnya, responden menangis dan murung apabila bahan kristal berwarna putih ditemui dalam beg yang dibawa oleh responden walaupun pada ketika itu bahan kristal tersebut belum disahkan lagi sebagai dadah berbahaya (lihat perenggan 18 & 20).

(2) Hakim bicara telah terkhilaf apabila menjadikan alasan bahawa disebabkan dadah-dadah tersebut tersorok dalam bungkusan teh cina dan kotak makanan, responden tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah-dadah berkenaan. Hakim bicara seharusnya memberi pertimbangan terhadap keseluruhan keterangan langsung dan mengikut keadaan dalam kes ini dalam membuat dapatannya. Jika tidak, semua kes di mana dadahnya tersorok dan dibungkus rapi serta tidak dapat dilihat dari luaran, tidak dapat diambil sebarang tindakan undang-undang. Ini pastinya bukan niat parlimen menggubal ADB 1952. Inferens yang munasabah dari penilaian keterangan yang digariskan menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan mengenai dadah di dalam beg bagasi yang dibawanya itu dan seterusnya mempunyai milikan terhadap dadah-dadah berkenaan. Justeru itu, elemen milikan telah dibuktikan oleh perayu tanpa bantuan anggapan milikan di bawah s 37(d) ADB 1952 (lihat perenggan 21 & 23).

(3) Berhubung isu pengedaran, definisi pengedaran di bawah s 2 ADB 1952 adalah luas termasuk perbuatan mengangkut atau membawa. Berdasarkan bacaan 'literal' definisi pengedaran ini, tidak dapat dipertikaikan bahawa dadah berbahaya yang dibawa masuk oleh

responden dalam kes ini dari Chengdu, China ke Malaysia adalah termasuk di bawah definisi mengedar di bawah s 2. Dalam kes ini, dadah berbahaya berkenaan dibawa dari Chengdu, China ke Malaysia dalam bungkusan teh dan kotak makanan. Jumlah berat dadah yang dibawa juga adalah besar iaitu 1,841.7g methamphetamine dan inferens yang munasabah boleh dibuat bahawa dadah tersebut adalah untuk diserahkan kepada pihak lain dan pastinya bukan untuk kegunaan responden sendiri. Sehubungan itu terdapat 'overt act' yang mengiringi perbuatan membawa dadah oleh responden dalam kes ini (lihat perenggan 28 & 31).

(4) Dalam kes ini, jelasnya tiada '*Alcontara* notice' yang mencukupi atau lengkap diserahkan kepada pihak penyiasat. Di samping itu, terdapat percanggahan material dalam D47 di mana pada mulanya responden menyatakan bahawa beg bagasi tersebut diberikan oleh Ah Jie kepada responden tetapi kemudiannya menyatakan Fang Fang yang menyerahkan beg tersebut kepadanya. Percanggahan material ini menjejaskan kebolehpercayaan terhadap kenyataan responden dalam D47 tersebut. Percakapan beramaran responden yang dikemukakan di peringkat pendakwaan dan tidak disoal balas kandungan percakapan beramaran tersebut adalah bersifat 'exculpatory' dan tidak seharusnya dijadikan sandaran oleh hakim bicara untuk meminda pertuduhan terhadap tertuduh (lihat perenggan 36–39).

(5) Perayu telah membuktikan suatu kes prima facie bagi pertuduhan asal terhadap responden iaitu bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya yang merupakan kesalahan di bawah s 39B(1)(a) ADB 1952 yang boleh dihukum di bawah s 39B ADB 1952. Responden diperintahkan untuk membela diri bagi pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) tersebut di hadapan hakim bicara yang sama. Keputusan hakim bicara meminda pertuduhan kepada kesalahan milikan di bawah s 39A(2) ADB 1952 adalah diketepikan (lihat perenggan 40–41).

**[English summary**

This was an appeal by the prosecution ('appellant') who was dissatisfied with the decision of the High Court ('HC') which has amended the charge of drug trafficking to the charge of possession of dangerous drugs and has sentenced the accused ('respondent') to 16 years of imprisonment from the date the respondent was arrested based on the respondent's pleading guilty to the amended charge by the HC. On 12 January 2014, respondents arrived at the LCCT of Kuala Lumpur International Airport from Chengdu, China on Air Asia flight D7321. The customs officer on duty at scanner machine 4, Mohd Zulhairi bin Zubir (SP11) observed the respondent in a suspicious condition and asked the respondent to scan the wheeled luggage bag carried by the respondent. The results of the scan made on the luggage bag displayed a suspicious image and then found in the bag there were, among others, tea

packages and food packages. The respondent and his luggage were then taken to the CPP2 customs office for a thorough inspection. Based on a thorough inspection carried out on the contents of the respondent's luggage bag, 20 packages of white crystal material were found in the luggage bag. All the white crystals found in the respondent's luggage bag were then sent to the Department of Chemistry Malaysia for analysis and confirmed by chemists that it contained the dangerous drug methamphetamine weighing 1,841.7g. During the prosecution case, the appellant brought evidence that the luggage bag had the respondent's name tag and the clothes in the luggage bag also matched or matched the respondent. However, the trial judge at the end of the prosecution case had ruled that appellant had failed to prove a prima facie case for drug trafficking charges as the charge against the respondent and instead ruled that appellant only proved possession elements of the dangerous drug. Accordingly, the respondent was called to defend himself for the offense of possession of dangerous drugs which was an offense under s 12(2) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA 1952') which was punishable under s 39A(2) DDA 1952. The issues for determination by the court were: (a) whether the appellant has succeeded in proving the element of possession against the dangerous drug; (b) whether the appellant has succeeded in proving the element of distribution; and (c) whether the defense has given sufficient '*Alcontara* notice' for further investigation.

**Held**, allowing appeal:

(1) The respondent in this case had physical control over the drugs in the luggage bag carried by the respondent and without reasonable explanation, the inference was that the respondent had knowledge that the bag he was carrying contained the impugned drugs. On the luggage bag, there was also the respondent's name tag and the clothes found in the luggage bag matched the respondent. The respondents were also seen in a suspicious condition by walking back and forth on the customs checkpoint. Next, the respondent cried and was depressed when a white crystalline substance was found in the bag carried by the respondent even though at that time the crystalline substance had not yet been confirmed as a dangerous drug (see paras 18 & 20).

(2) The trial judge erred in his reasoning that because the drugs were hidden in Chinese tea packets and food boxes, the respondent had no knowledge of the drugs. The trial judge should consider the whole of the direct evidence and according to the circumstances of the case in making his findings. Otherwise, all cases where the drugs are hidden and packaged neatly and cannot be seen from the outside, no legal action can be taken. This was certainly not the intention of parliament enacting the DDA 1952. A reasonable inference from the assessment of the evidence underlined shows that the respondent had knowledge of the drugs in the luggage bag he was carrying and subsequently had possession of the

impugned drugs. Thus, the element of possession was proved by the appellant without the aid of a presumption of possession under s 37(d) of the ADB 1952 (see paras 21 & 23). A

(3) With regard to the issue of trafficking, the definition of trafficking under s 2 of the ADB 1952 was broad including the act of transporting or carrying. Based on the 'literal' reading of this definition of trafficking, it cannot be disputed that the dangerous drugs brought in by the respondent in this case from Chengdu, China to Malaysia are included under the definition of trafficking under s 2. In this case, the dangerous drugs were brought from Chengdu, China to Malaysia in tea packages and food boxes. The total weight of the drug carried was also large ie 1,841.7g of methamphetamine and a reasonable inference could be made that the drug was to be handed over to another party and certainly not for the respondent's own use. Accordingly, there was an 'overt act' that accompanies the act of carrying drugs by the respondent in this case (see paras 28 & 31). B C D

(4) It was clear that no sufficient or complete '*Alcontara* notice' was submitted to the investigating party. In addition, there was a material discrepancy in D47 where initially the respondent stated that the luggage bag was given by Ah Jie to the respondent but later stated Fang Fang who handed the bag to him. This material discrepancy affects the credibility of the respondent's statement in the D47. The respondent's cautionary statement presented at the prosecution stage and was not cross-examine on the content of the cautionary speech was 'exculpatory' and should not be relied by the trial judge to amend the charge against the accused (see paras 36–39). E F

(5) The appellant has proved prima facie case for the original charge against the respondent namely for the offense of trafficking dangerous drugs which was an offense under s 39B(1)(a) of the DDA 1952 which was punishable under s 39B of the DDA 1952. The respondent was ordered to defend himself of said charge under s 39B(1)(a) before the same trial judge. The decision of the trial judge to amend the charge to the offense of possession under s 39A(2) of the DDA 1952 was set aside (see paras 40–41).] G H

**Kes-kes yang dirujuk**

*Ahmad Najib bin Aris v PP* [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800, MP (dirujuk) I

*Chan Pean Leon v PP* [1956] 1 MLJ 237 (dirujuk)

*Ong Ah Chuan v PP; Koh Chai Cheng v PP* [1981] 1 MLJ 64, MP (dirujuk)

*Pendakwa Raya v Herlina Purnama Sari* [2016] MLJU 1824; [2016] 1 LNS 1855, MP (dirujuk)

A *Pendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor* [1996] 3 MLJ 560; [1997] 1 CLJ 233, MP (dirujuk)
*Phiri Mailesi (Zambian) v PP* [2013] 5 MLJ 780; [2013] 1 LNS 391, MR (dirujuk)
*PP v Abdul Manaf bin Muhamad Hassan* [2006] 3 MLJ 193, MP (dirujuk)
B *PP v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1, MP (dirujuk)
*PP v Azilah bin Hadri & Anor* [2015] 1 MLJ 617; [2015] 1 CLJ 579, MP (dirujuk)
*Ramis a/l Muniandy v PP* [2001] 3 SLR 534, MR (dirujuk)
C *Samundee Devan a/l Muthu Kerishnan v PP* [2010] 2 MLJ 607; [2010] 3 CLJ 269, MP (dirujuk)
*Zulfikar bin Mustaffah v PP* [2001] 1 SLR 633, MR (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

D Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 12(2), 37(d), 39A(2), 39B, 39B(1)(a)

**Rayuan daripada**: Perbicaraan Jenayah No 45A-109–11 Tahun 2014 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

*Jerald Gomez (Michelle Wong bersamanya) (Jerald Gomez Assoc) bagi pihak*
E *perayu.*
*Asmah bt Musa (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Pendakwa Raya) bagi pihak responden.*

**Nordin Hassan HMR:**

F

PENDAHULUAN

**[1]** Guo Renchun (tertuduh), seorang warganegara China telah dituduh atas kesalahan mengedar dadah berbahaya dan pertuduhan yang dikemukakan
G terhadap tertuduh adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 12 Januari 2014, jam lebih kurang 9.50 malam, di Cawangan Pemeriksaan Penumpang 2 (CPP2), Balai Ketibaan Antarabangsa, Lapangan Terbang Murah (LCCT), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di dalam daerah Sepang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah mengedar dadah
H berbahaya iaitu methamphetamine seberat 1,841.7 gram dan telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B Akta yang sama.

**[2]** Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara memutuskan bahawa pihak
I pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes prima facie bagi pertuduhan mengedar dadah seperti pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh dan sebaliknya memutuskan bahawa pihak pendakwaan hanya membuktikan elemen milikan terhadap dadah berbahaya berkenaan. Sehubungan itu, tertuduh dipanggil untuk membela diri bagi kesalahan memiliki dadah

berbahaya iaitu kesalahan di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952') yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta yang sama. A

**[3]** Selanjutnya, tertuduh telah mengaku salah terhadap pertuduhan pindaan tersebut dan setelah disabitkan, tertuduh telah dijatuhkan hukuman penjara selama 16 tahun daripada tarikh tertuduh ditangkap. B

**[4]** Pihak pendakwaan yang tidak berpuashati dengan keputusan hakim bicara yang meminda pertuduhan asal kepada pertuduhan memiliki dadah berbahaya, telah membuat rayuan ke mahkamah ini. C

KES PENDAKWAAN

**[5]** Berdasarkan keterangan saksi-saksi yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, kes pendakwaan adalah seperti berikutnya. D

**[6]** Pada 12 Januari 2014, lebih kurang jam 9.50 malam, tertuduh tiba di LCCT, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dari Chengdu, China dengan penerbangan Air Asia D7321. Pada ketika itu, pegawai kastam yang bertugas di mesin pengimbas 4 iaitu Mohd Zulhairi bin Zubir (SP11) memerhatikan tertuduh dalam keadaan mencurigakan lalu meminta tertuduh untuk mengimbas beg bagasi beroda yang dibawa oleh tertuduh. Keterangan SP11 tersebut adalah seperti berikut: E

> 5. Saya mengarahkan OKT mengimbas beg bagasinya kerana OKT kelihatan meragukan dan OKT kelihatan mundar mandir di laluan hijau pemeriksaan kastam. Pada masa kejadian, saya melihat OKT sendiri yang membawa beg bagasi itu. F

**[7]** Hasil imbasan yang dibuat terhadap beg bagasi tertuduh tersebut memaparkan suatu imej yang mencurigakan lalu SP11 meminta tertuduh membuka beg berkenaan. SP11 kemudian mendapati di dalam beg berkenaan terdapat antara lain, bungkusan teh dan bungkusan makanan. Selanjutnya, SP11 telah mengarahkan tertuduh untuk menutup semula beg bagasi tertuduh tersebut. Tertuduh dan bagasinya kemudian dibawa ke Pejabat Kastam CPP2 untuk pemeriksaan lanjut. G H

**[8]** Di Pejabat Kastam CPP2 berkenaan, pemeriksaan rapi terhadap kandungan beg bagasi tertuduh telah dilaksanakan dan ditemui enam bungkusan teh cina dan setiap satu di dalamnya didapati mengandungi bungkusan bahan kristal berwarna putih, satu kotak 'custard pie' yang mengandungi enam paket kecil yang setiap satunya mengandungi satu bungkusan bahan kristal putih dan satu kotak makanan yang berisi lapan paket kecil yang mengandungi lapan bungkusan bahan kristal putih. I

Keseluruhannya, terdapat 20 bungkusan bahan kristal berwarna putih yang ditemui dalam beg bagasi tertuduh tersebut.

**[9]** Pegawai Kastam Elangovan a/l Rethnesamy (SP12) juga berada dalam bilik pemeriksaan kastam berkenaan bersama SP11. Kedua-dua mereka melihat tertuduh menangis dan murung apabila bahan kristal berwarna putih berkenaan ditemui dalam beg bagasi tertuduh. SP12 dalam keterangannya menyatakan seperti berikut:

> 14. OKT kelihatan menangis dan murung apabila melihat bahan serbuk putih dikeluarkan dari beg bagasinya.

**[10]** Kesemua bahan kristal berwarna putih yang ditemui dalam beg bagasi tertuduh tersebut seterusnya dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisa dan disahkan oleh ahli kimia bahawa ianya mengandungi dadah berbahaya methamphetamine seberat 1,841.7g.

**[11]** Pihak pendakwaan juga membawa keterangan bahawa pada beg bagasi di mana dadah berbahaya tersebut ditemui terdapat tag nama tertuduh. Disamping itu, pakaian di dalam bagasi tersebut juga dibuat suaipadan (*fitting*) pada tertuduh dan didapati pakaian berkenaan bersesuaian atau berpadanan dengan tertuduh.

DAPATAN HAKIM BICARA

**[12]** Seperti yang telah dinyatakan terdahulu, hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kesalahan mengedar dadah terhadap tertuduh tetapi hanya berjaya membuktikan milikan tertuduh terhadap dadah berkenaan. Berdasarkan alasan penghakiman hakim bicara, dapatan ini dibuat berdasarkan alasan-alasan berikut:

(a) tidak terdapat sebarang 'overt act' yang boleh menunjukkan bahawa tertuduh melakukan kesalahan pengedaran dadah. Tertuduh telah memberi kerjasama kepada pihak kastam dan tidak cuba untuk melarikan diri sewaktu kejadian;

(b) tertuduh tiada pengetahuan berhubung dadah yang ditemui kerana ianya dibalut rapi dalam bungkusan teh dan kotak makanan; dan

(c) pihak pembelaan telah memberi '*Alcontara* notice' yang mencukupi untuk siasatan lanjut dibuat tetapi pihak kastam gagal berbuat demikian. Pihak kastam dikatakan gagal menyiasat mengenai penama Fang Fang iaitu kawan tertuduh dan seorang lagi penama iaitu Ah Jie, seorang lelaki berkulit hitam yang memberikan bagasi yang berisi dadah tersebut kepada tertuduh untuk diberikan kepada rakannya di Malaysia. Maklumat-maklumat ini dinyatakan dalam rakaman percakapan

tertuduh kepada pihak kastam (D47). A

PENILAIAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

**[13]** Prinsip undang-undang menetapkan bahawa keputusan hakim bicara boleh disemak oleh Mahkamah Rayuan dengan menilai keterangan yang ada. Ini bagi menentukan sama ada keputusan atau dapatan yang dibuat oleh hakim bicara bersandarkan keterangan atau menepati undang-undang. Sekiranya tidak, keputusan atau dapatan tersebut boleh diketepikan. B

**[14]** Dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Ahmad Najib bin Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800 dinyatakan seperti berikut: C

> I am of the view that the Court of Appeal has the power to review or to re-evaluate all the evidence available as adduced by the prosecution. The Court of Appeal is in the position to do so in the present case even though the grounds of decision of the trial judge as appearing in the appeal records is found lacking in specific findings and with no reasons for the findings. In a case involving purely question of fact, the Court of Appeal is free to determine whether or not the various findings of the trial judge are correct (see *Mohamed Mokhtar v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 122). D

(Lihat juga *Public Prosecutor v Azilah bin Hadri & Anor* [2015] 1 MLJ 617; [2015] 1 CLJ 579.) E

**[15]** Kembali semula kepada kes terhadap tertuduh, elemen pertama yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah sama ada tertuduh mempunyai milikan terhadap dadah berbahaya dalam bag bagasi yang dibawa oleh tertuduh berkenaan. F

**[16]** Isu milikan ini telah banyak diterangkan oleh nas undang-undang termasuk oleh mahkamah tertinggi di negara ini yang juga menyentuh interpretasi undang-undang sedia ada berhubung dengan isu milikan. Disini adalah bersesuaian diimbas kembali nas undang-undang yang berkaitan. Dalam kes *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 237 Hakim Thompson menjelaskan: G

> 'Possession' itself as regards the criminal law is described as follows in *Stephen's Digest* (9th Ed, p 304). H
>
> *A movable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as the owner to the exclusion of all other persons*, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in the case of need. (Penekanan ditambah.) I

**[17]** Selanjutnya, bagi membuktikan elemen milikan ini, pihak pendakwaan perlu membuktikan tertuduh mempunyai pengetahuan terhadap dadah dalam

beg bagasi berkenaan. Jelasnya, pengetahuan boleh dibuktikan melalui keterangan mengikut keadaan dan perbuatan serta reaksi tertuduh terutamanya pada masa kejadian.

**[18]** Berhubung isu pengetahuan ini, dalam kes *Ramis a/l Muniandy v Public Prosecutor* [2001] 3 SLR 534 yang prinsip undang-undangnya diterima pakai oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1, Hakim Yong Peng How menjelaskan seperti berikut:

> Knowledge *of the drugs*
>
> The starting point in the consideration of this issue was that we had already concluded that the drugs was already on Ramis's motorcycle when he entered the vicinity and that *he had physical control of the drugs. In the absence of any reasonable explanation by Ramis, these facts were sufficient to lead a strong inference that Ramis knew that the bag found on his motorcycle contained drugs*.

Tertuduh dalam kes ini juga mempunyai kawalan fizikal terhadap dadah dalam beg bagasi yang dibawa oleh tertuduh dan tanpa penjelasan yang munasabah, inferensnya adalah tertuduh mempunyai pengetahuan bahawa beg yang dibawanya mengandungi dadah-dadah berkenaan.

**[19]** Berhubung isu yang sama, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Samundee Devan a/l Muthu Kerishnan v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 607; [2010] 3 CLJ 269 menyatakan:

> [15] We also of the view that the contemporaneous conduct of the appellant in attempting to run away when PW7 identified himself as 'police' is relevant and admissible pursuant to s 8 of the Evidence Act 1950 under the circumstances of the instant appeal. Such conduct, of course not to be taken in isolation but together with all the other circumstances of the case. That would be the correct approach to circumstantial (see *Chan Chwen Kong v Public Prosecutor* [1962] 1 MLJ 307; [1962] 1 LNS 22).
>
> ...
>
> [17] We find the evidence adduced by the prosecution before the learned trial judge showed that *the appellant was clearly in possession of the plastic packages and that he had knowledge of the contents of the packages. The facts denote the said dangerous drugs were in his custody and control. He was in possession of a set of keys one of which was used to open the boot of the motorcar in which the dangerous drugs were found. He was clearly aware of the packages when he was approached by the police and consequently attempted to run away. The combined strength of these facts gave rise to a strong inference that the appellant had mens rea possession of the packages containing the dangerous drugs and he had knowledge of the dangerous drugs. There was evidence of possession of the dangerous drugs independent of s 37(d) of the Act.* (Penekanan ditambah.)

**[20]** Berbalik kepada keterangan dalam kes ini, beg bagasi di mana dadah berbahaya ditemui di dalamnya dibawa oleh tertuduh yang pada ketika itu bersendirian. Pada beg tersebut juga terdapat tag nama tertuduh dan pakaian

yang ditemui dalam beg berkenaan bersesuaian dengan tertuduh apabila dibuat suai padan. Tertuduh juga dilihat dalam keadaan mencurigakan dengan berjalan mundar-mandir di laluan pemeriksaan kastam. Seterusnya, tertuduh menangis dan murung apabila bahan kristal berwarna putih di temui dalam beg yang dibawa oleh tertuduh walaupun pada ketika itu bahan kristal tersebut belum disahkan lagi sebagai dadah berbahaya.

**[21]** Berhubung isu ini, hakim bicara terkhilaf apabila menjadikan alasan bahawa disebabkan dadah-dadah tersebut tersorok dalam bungkusan teh cina dan kotak makanan, tertuduh tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah-dadah berkenaan. Hakim bicara seharusnya memberi pertimbangan terhadap keseluruhan keterangan langsung dan mengikut keadaan dalam kes ini dalam membuat dapatannya. Jika tidak, semua kes di mana dadahnya tersorok dan dibungkus rapi serta tidak dapat dilihat dari luaran, tidak dapat diambil sebarang tindakan undang-undang. Ini pastinya bukan niat parlimen menggubal ADB 1952.

**[22]** Berkaitan isu yang sama, dalam kes *Zulfikar bin Mustaffah v Public Prosecutor* [2001] 1 SLR 633, di mana prinsip undang undangnya diterima pakai oleh mahkamah di Malaysia, Ketua Hakim Yong Pung How menyatakan seperti berikut:

> ... In the course of the appeal before us, counsel for the appellant relied heavily on the fact that the contents of the bundles were securely wrapped in newspaper and could not be identified. We were accordingly invited to draw the inference that the appellant had no knowledge of the contents of the bundles.
>
> 22 We were unable to accede to this request. *While the fact that the contents of the bundles were hidden from view may have been relevant in determining whether the requisite knowledge was absent, this factor should still not to be given too much weight. Otherwise, drug peddlers could escape liability simply by ensuring that any drugs coming into their possession are first securely sealed in opaque wrappings*. Rather the court must appraise the entire facts of the case to see if the accused's claim to ignorance is credible ... (Penekanan ditambah.)

**[23]** Inferens yang munasabah dari penilaian keterangan yang digariskan di atas menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah di dalam beg bagasi yang dibawanya itu dan seterusnya mempunyai milikan terhadap dadah-dadah berkenaan. Justeru itu, elemen milikan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan tanpa bantuan anggapan milikan di bawah s 37(d) ADB 1952.

**[24]** Seksyen 37(d) ADB 1952 adalah satu lagi cara bagi membuktikan elemen milikan dan anggapan milikan ini terpakai apabila dibuktikan bahawa tertuduh mempunyai kawalan atau jagaan terhadap apa juga yang mengandungi dadah berbahaya. Berdasarkan keterangan adalah jelas tertuduh

mempunyai kawalan dan jagaan terhadap beg bagasi yang terdapat dadah berbahaya di dalamnya. Berkaitan isu ini, Mahkamah Persekutuan menjelaskan dalam kes *Public Prosecutor v Abdul Manaf bin Muhamad Hassan* [2006] 3 MLJ 193 seperti berikut:

> [17] It ought to be stated at the outset that the decision in *Muhammad bin Hassan* only prohibits the use of double presumptions under ss 37(d) and 37(da) of the Act. *It is therefore, open to the prosecution to rely on either of the presumptions. In other words, the prosecution may positively prove possession without relying on the presumption under s 37(d) of the Act and go on to rely on the presumption of trafficking under 37(da) of the Act to support a charge under s 39B of the Act*. See *Tunde Apatira & Ors v Public Prosecutor* [2001] 1 MLJ 259; *Msimanga Lesaly v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 314, a decision of Court of Appeal which was confirmed by this court in Federal Court Criminal Appeal No 05–27 of 2004(K). *Conversely, the prosecution may rely on the presumption under s 37(d) to prove possession and seek to prove by affirmative evidence (independent of the presumption under s 37(da)) that the accused was in fact trafficking in the dangerous drugs*. (Penekanan ditambah.)

**[25]** Berdasarkan penilaian keterangan yang ada, pihak pendakwaan telah membuktikan bahawa tertuduh mempunyai milikan terhadap dadah berbahaya yang ditemui dalam beg bagasi tertuduh pada hari kejadian berkenaan.

**[26]** Seterusnya, adalah berhubung elemen pengedaran dadah berkenaan. Isunya, adakah tertuduh melakukan kesalahan mengedar dadah tersebut.

**[27]** Berhubung isu pengedaran ini, peruntukan undang-undang iaitu s 2 ADB 1952 menyatakan:

> Trafficking includes the doing of any of the following acts, that is to say, manufacturing, importing, exporting, keeping, concealing, buying, selling, giving, receiving, storing, administering, *transporting, carrying*, sending, delivering, procuring, supplying or distributing any dangerous drug otherwise than under the authority of this Act or the regulation made under the Act ... (Penekanan ditambah.)

**[28]** Definisi pengedaran di bawah s 2 ini adalah luas termasuk perbuatan mengangkut atau membawa. Berdasarkan bacaan 'literal' definisi pengedaran ini, tidak dapat dipertikaikan bahawa dadah berbahaya yang dibawa masuk oleh tertuduh dalam kes ini dari Chengdu, China ke Malaysia adalah termasuk di bawah definisi mengedar di bawah s 2 ini.

**[29]** Walau bagaimanapun, terdapat nas undang-undang yang menyatakan perlu adanya perbuatan 'overt act' bagi membolehkan tindakan membawa dadah tersebut termasuk di bawah definisi pengedaran di bawah s 2 tersebut. Lord Diplock dalam kes *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor; Koh Chai Cheng v*

*Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64 dan diterima pakai prinsipnya oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Abdul Manaf bin Muhamad Hassan* menyatakan:

> [20] However, the mere act of carrying is not sufficient to constitute the offence of trafficking. This is clearly explained by Lord Diplock in *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor*, *Koh Chai Cheng v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64, where at p 68 he observed:
>
> > To 'traffic' in a controlled drug so as to constitute the offence of trafficking under s 3 involves something more than passive possession or self-administration of the drug; it involves doing or offering to do *an overt act* of one or of other of the kinds specified in paragraph (a) of the definition of 'traffick' and trafficking in s 2. (Penekanan ditambah.)

**[30]** Tindakan 'overt act' tersebut seterusnya dijelaskan oleh Lord Diplock seperti berikut:

> This is a very wide description of acts that may be treated as equivalent to the substantive offence of trafficking; nevertheless, in their Lordships view, it is clear from the structure of the Drugs Act and the distinction drawn between the offence of having a controlled drug in one's possession and the offence of trafficking in it, that mere possession of itself is not to be treated as an act of preparatory to or in furtherance of or for the purpose of trafficking as to permit the conviction of the possessor of the substantive offence. *To bring the provisions of ss 10 and 3(c) into operation some further steps or overt act by the accused is needed, directed to transferring possession of the drug to some other person, and it is a consequence of the clandestine nature of the drug trade and the means adopted for the detection of those engaged in it, that the further step that the prosecution is most likely to be able to prove in evidence is the act of the accused in transporting the drug to some place where he intends to deliver it to someone else, whether it be the actual consumer or a distributor or another dealer*. (Emphasis added.)

**[31]** Kembali kepada kes terhadap tertuduh, dadah berbahaya berkenaan dibawa dari Chengdu, China ke Malaysia dalam bungkusan teh dan kotak makanan. Jumlah berat dadah yang dibawa juga adalah besar iaitu 1,841.7g methamphetamine dan inferens yang munasabah boleh dibuat bahawa dadah tersebut adalah untuk diserahkan kepada pihak lain dan pastinya bukan untuk kegunaan tertuduh sendiri. Sehubungan itu terdapat 'overt act' yang mengiringi perbuatan membawa dadah oleh tertuduh dalam kes ini.

**[32]** Isu 'overt act' ini juga telah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes yang lebih terkini iaitu *Pendakwa Raya v Herlina Purnama Sari* [2016] MLJU 1824; [2016] 1 LNS 1855 di mana diputuskan bahawa kehendak perlunya ada 'overt act' dalam semua kes untuk membukti elemen pengedaran adalah suatu kekhilafan. Dalam kes tersebut dinyatakan:

> [37] The *second error of the trial judge's finding that to constitute trafficking, the mens*

A *rea possession must be accompanied by some overt act by the respondent*. It is unfortunate that the Court of Appeal had also committed similar error in agreeing with the finding of fact of the trial judge by holding 'without any evidence that would show an overt act of one or other of the kind specified in the definition of trafficking in s 2 of Act 234 or specifically of conveying, transporting, carrying, B moving or promoting from one place to another in the sense of doing so to promote the distribution of the drug to another', the respondent could not be a trafficker but merely had passive possession of the impugned drugs.

[38] *With respect, the proposition that there must be in all cases an overt act in order to constitute trafficking is misconceived. It would be contrary to the definition of trafficking* C *as provided for under s 2 of the Act* ...

[39] *We are of the view that whether or not a person is a trafficker within the definition of s 2 of the Act is dependent of the facts and circumstances of a given case. In this case, it is not in dispute that when the respondent was arrested she was carrying the luggage bag which amongst other things contained the impugned drugs. The respondent was* D *apprehended in the act of carrying from one place to another a large amount of dangerous drugs. It is in evidence that the respondent was unaccompanied by any person when she carried the luggage bag. The luggage bag was registered in the respondent's name when she checked in at the Air Asia check-in counter. The impugned drugs were found hidden in the two boxes. In fact, the drugs were neatly and securely concealed from view in both* E *the boxes*. We are of the view that the manner in which the impugned drugs were concealed in the luggage bag showed that the respondent knew the existence of the drugs there, and evinced the intention of the careful planning by the respondent to conceal the impugned drugs to avoid and escape detection (*Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 1 MLRA 568 and *Teh Hock Leong v Public Prosecutor* [2008] MLJU 284; [2008] 1 MLRA 548). (Penekanan F ditambah.)

**[33]** Fakta dalam kes *Herlina Purnama Sari* hampir sama dengan fakta dalam kes tertuduh dan berdasarkan huraian di atas dan penilaian keterangan dan G undang-undang menunjukkan bahawa pihak pendakwaan juga telah membuktikan elemen pengedaran dalam kes terhadap tertuduh.

ISU-ISU BERBANGKIT

H *Alcontara notice*

**[34]** Hakim bicara dalam kes ini memutuskan bahawa pihak pembelaan telah memberi notis yang mencukupi untuk siasatan dijalankan terhadap penama 'Fang Fang' dan 'Ah Jie' iaitu penama-penama yang disebut dalam I rakaman percakapan tertuduh (D47). Penelitian terhadap D47 mendapati tertuduh hanya menyatakan bahawa bagasi yang mengandungi dadah tersebut diberikan oleh seorang bernama Ah Jie untuk dibawa ke Malaysia dan Ah Jie tidak dikenali oleh tertuduh sebelum itu. Ah Jie merupakan kawan kepada kawan tertuduh, Fang Fang.

**[35]** Tiada sebarang maklumat lain diberikan kepada pihak penyiasat berhubung kedua-dua penama ini untuk diambil tindakan lanjut. Malahan tertuduh langsung tidak mengenali Ah Jie. Pegawai penyiasat kes ini, Muhammad Hasrul bin Mohd Fauzi (SP15) dalam keterangannya mengesahkan seperti berikut:

> 72 ... Namun, siasatan lanjut terhadap penama Fang Fang dan Ah Jie tidak dapat dilakukan kerana OKT mengesahkan tidak kenal Ah Jie dan tiada maklumat lengkap atau pun nombor telefon yang boleh disiasat untuk mengesan Fang Fang. OKT juga tidak menyatakan ada perbualan telefon yang dibuat terhadap Fang Fang dan Ah Jie untuk disiasat.

**[36]** Berhubung isu yang sama, Mahkamah Rayuan dalam kes *Phiri Mailesi (Zambian) v Public Prosecutor* [2013] 5 MLJ 780; [2013] 1 LNS 391 menjelaskan seperti berikut:

> It is pertinent to note that the *Alcontara notice* must have sufficient particulars in the right perspective and not a vague notice where the prosecution would not be able to advance their investigation to rebut the defence story or version. It must also be given at the earliest opportunity at the material time of the arrest or at least upon counsel taking instruction from the accused to conduct its defence.

Dalam kes ini, jelasnya tiada '*Alcontara* notice' yang mencukupi atau lengkap diserahkan kepada pihak penyiasat.

**[37]** Di samping itu terdapat percanggahan material dalam D47 di mana pada mulanya tertuduh menyatakan bahawa beg bagasi tersebut diberikan oleh Ah Jie kepada tertuduh tetapi kemudiannya menyatakan Fang Fang yang menyerahkan beg tersebut kepadanya. Dalam D47 tersebut kenyataan yang diberikan oleh tertuduh tersebut adalah seperti berikut:

> J9: *Bagasi tersebut telah diberikan oleh seorang lelaki berkulit hitam bernama Ah Jie yang menyuruh saya membawa ke Malaysia*.
>
> ... J11: Saya tidak mengenali lelaki berkulit hitam tersebut tetapi kawan saya mengenali lelaki berkenaan. Kawan saya bernama Fang Fang meminta saya supaya menolong lelaki berkulit hitam ini untuk membawa barang ke Malaysia. *Bagasi tersebut diserahkan kepada saya oleh Fang Fang di Chengdu, tempat berdekatan dengan Lapangan Terbang* ...

**[38]** Di sini jelasnya, percanggahan material ini menjejaskan kebolehpercayaan terhadap kenyataan tertuduh dalam D47 tersebut.

**[39]** Walau apapun, percakapan beramaran tertuduh yang dikemukakan di peringkat pendakwaan dan tidak disoal balas kandungan percakapan beramaran tersebut adalah bersifat 'exculpatory' dan tidak seharusnya dijadikan sandaran oleh hakim bicara untuk meminda pertuduhan terhadap tertuduh. Dalam kes Mahkamah Persekutuan *Pendakwa Raya v Mansor bin*

*Mohd Rashid & Anor* [1996] 3 MLJ 560; [1997] 1 CLJ 233 diputuskan seperti berikut:

> [6] The trial judge was wrong in concluding, based on the first respondent's exculpatory statement, that the first respondent was not involved in the sale of the cannabis and that Amran had occupied the said room. *A purely exculpatory or self-serving statement is not evidence of the facts stated although it may be admitted to show the reaction or attitude of the accused at the time he made it*. In considering whether there was a case toanswer, the trial judge ought not to take into account such a statement as the basis for founding an order of acquittal and discharge. (Penekanan ditambah.)

KESIMPULAN

**[40]** Berdasarkan huraian di atas, kami mendapati pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie bagi pertuduhan asal terhadap tertuduh iaitu bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya yang merupakan kesalahan di bawah s 39B(1)(a) ADB 1952 yang boleh dihukum dibawah s 39B Akta yang sama.

**[41]** Sehubungan itu, tertuduh diperintahkan untuk membela diri bagi pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) tersebut di hadapan hakim bicara yang sama. Keputusan hakim bicara meminda pertuduhan kepada kesalahan milikan di bawah s 39A(2) ADB 1952 adalah diketepikan.

*Rayuan dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Rafinie Ramli